

**SALUTASI PROGRAM KEPIMPINAN ANAK MUDA
PERINGKAT NEGERI MELAKA**

1. YB TUAN ZAHARI BIN ABD KALIL

Timbalan Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan yang **mewakili YAB Ketua Menteri Melaka.**

2. YB DATUK KHAIDHIRAH BINTI ABU ZAHAR

Timbalan Exco Perancangan Ekonomi, Kewangan, Hal Ehwal Tanah, Agensi Bukan Kerajaan, Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan TVET Negeri Melaka

3. YBHG. DATO' DR. MOHAMMAD AGUS YUSOFF

Ketua Pengarah Jabatan Komunikasi Komuniti, Jabatan Perdana Menteri

**4. YBHG. PROF. EMERITUS TAN SRI DATO' SRI IR. DR. SAHOL
HAMID BIN ABU BAKAR**

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Prihatin Nasional (PRIHATIN)

5. YBHG. DATO' HUSAINI BIN OMAR

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Universiti Teknikal Malaysia Melaka

6. YBHG. DATO' MOHD AIZUDDIN GHAZALI

Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Prihatin Nasional (PRIHATIN)

7. YDH DCP DATUK WIRA HAJI ZAINOL BIN HAJI SAMAH

Ketua Polis Melaka

8. YBRS. TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN AHMAD

Pengarah Pendidikan Negeri Melaka

9. TUAN HAJI ZABIDI BIN NASAN

Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Taqwa MAIWP

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
PENGURUSAN TERTINGGI UTeM & YAYASAN PRIHATIN NASIONAL
DIF-DIF KEHORMAT, RAKAN-RAKAN INDUSTRI & MEDIA
BARISAN KEPIMPINAN MAJLIS PEWAKILAN PELAJAR UTeM

DAN SETERUSNYA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SERTA PARA
PELAJAR YANG DIHORMATI SEKALIAN.



TEKS UCAPAN
YBHG. PROF. DATUK Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

PROGRAM KEPIMPINAN ANAK MUDA NEGERI MELAKA
TEMPAT : DEWAN CANSELOR, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
TARIKH : 18 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)
MASA : 10.30 PAGI

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

Bismillahhirrahmanirrahim

Assalamualaikum W.B.T. dan salam sejahtera

Salam Malaysia Madani

Salam Melaka ku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit Dunia

Salam UTeMku Sayang, Menjajar Universiti Melonjak ke Hadapan

Yang Amat Dikasihi Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji

Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka

merangkap Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Sempena pagi yang indah ini, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun hadir bersama ke **Program Kepimpinan Anak Muda Negeri Melaka** di Dewan Canselor UTeM ini. Kesudian Tuan Yang Terutama Tun untuk hadir pada majlis ini, pastinya menjadi pembakar semangat kepada anak muda Negeri Melaka yang hadir dalam program ini khususnya dalam aspek kepimpinan menyeluruh yang cemerlang.

Tuan Yang Terutama Tun Canselor, mohon diizinkan saya untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin yang saya hormati.

SALUTASI

-Seperti di Lampiran

1. Alhamdulillah, setinggi-tingginya kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah SWT kerana di atas izin dan kehendaknya jua, maka kita dapat menganjurkan serta berkumpul di Program Kepimpinan Anak Muda Negeri Melaka 2023 pada hari ini.

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
Indah berbalam si awan petang,
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
Berarak di celah pepohon ara;
Pemanis kalam selamat datang,
Awal bismillah pembuka bicara.

2. Di kesempatan ini, saya mewakili pihak tuan rumah program, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, amat mengalukan kehadiran **Yang Berhormat Tuan Zahari bin Abd Khalil, Timbalan Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Kemudahan Awam, dan Pengangkutan mewakili Ketua Menteri Melaka**. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih Yang Berhormat atas kesudian hadir meskipun dengan kesibukan dan jadual kerja harian yang padat, namun tetap meluangkan masa hadir bagi merasmikan Program Kepimpinan Anak Muda Negeri Melaka 2023.

Tuan Yang Terutama Tun, Hadirin dan Hadirat sekalian,

3. Saya bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengucapkan setinggi penghargaan kepada pihak Yayasan Prihatin dan Jabatan Komunikasi Komuniti, Jabatan Perdana Menteri atas kepercayaan yang diberikan kepada UTeM untuk menjadi tuan rumah program pada pagi ini.

4. Program berimpak dan berskala besar seumpama ini, pastinya tidak dapat direalisasikan dengan jayanya tanpa kerjasama baik dari pelbagai pihak lain yang terlibat

secara langsung mahupun tidak langsung, antaranya adalah dari Kementerian Pendidikan Malaysia, Yayasan TAQWA Wilayah Persekutuan, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan lain-lain agensi.

5. UTeM sebagai sebuah Universiti Awam sangat mengalu-alukan kerjasama dari semua pihak bagi sebarang penganjuran program terutama yang melibatkan kebajikan pelajar. Ini adalah selaras dengan Teras Strategik 3 Pelan Strategik UTeM 2023 – 2025 iaitu **Menjuarai Khidmat Insani, Mengundang Kesejahteraan**. UTeM berhasrat untuk melahirkan satu persekitaran di mana pelajar-pelajar

mampu untuk memberi fokus 100% terhadap pembelajaran dengan membantu mereka yang memerlukan.

Tuan Yang Terutama Tun, Hadirin dan Hadirat sekalian,

6. Sebagai makluman bersama, Yayasan Prihatin Nasional merupakan sebuah organisasi kebajikan yang ditubuhkan untuk menyediakan pelbagai bantuan kepada golongan yang tidak berkemampuan terutamanya golongan muda ke arah kehidupan yang lebih baik melibatkan tiga teras utama, iaitu **pendidikan, keusahawanan, dan kepimpinan.**

7. Alhamdulillah, atas semangat keprihatinan yang mekar, Yayasan Prihatin Nasional berbesar hati akan memberikan sumbangan kepada pelajar Asnaf UTeM dan pelajar Tingkatan 6 di sekitar Negeri Melaka pada pagi ini. Terima kasih diucapkan, dan diharapkan nilai murni ini dapat diteruskan lagi di program yang akan dianjurkan pada masa akan datang demi kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat dan kita bersama.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

8. Sebelum mengakhiri ucapan, bersama-samalah kita berdoa agar program pada pagi ini memperoleh

keberkatanNya. Diharapkan juga, menerusi platform program seumpama ini, kita semua beroleh kekuatan dan semangat yang tinggi untuk memimpin dan memacu organisasi ke arah yang lebih cemerlang dan gemilang.

**Bubur selasih ubi keladi,
Lemak manis santan kelapa;
Terima kasih jasa dan budi,
Selalu tersemat tiada lupa.**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Tuan Yang Terutama Tun Canselor ,

Sekian sahaja ucapan saya.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin berterima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor atas kesudian hadir ke Program Kepimpinan Anak Muda Negeri Melaka 2023 pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor begitu besar ertinya buat kami semua.

Saya sudah ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.